

08/07/1999

Ahli Umno diminta kenang jasa parti

SABAK BERNAM, Rabu - Ahli Umno diminta mengenang kembali jasa parti itu sejak awal kemerdekaan negara dengan meneruskan perjuangan dan mempertahankan maruah parti daripada dicemar anasir luar.

Ahli Majlis Tertinggi Umno, Datuk Mohd Shafie Afdal, berkata Umno yang banyak berjasa kepada bangsa sehingga membolehkan generasi sekarang menikmati pembangunan dan kemajuan pesat setanding negara maju selain kemakmuran serta kestabilan negara.

Menurutnya, Umno tidak diwujudkan dengan perasaan tetapi dengan mendaulat dan memartabatkan bangsa Melayu disertai kehendak Allah serta usaha keras pucuk pimpinan parti.

"Kita jangan terlupa bahawa Allah menentukan segala yang berlaku termasuk ditakdirkan Umno di Sabah membuat kejayaan besar yang mana memenangi semua 24 kerusi yang dipertandingkan.

"Kemenangan Umno di Sabah menjadi bukti pimpinan Umno di bawah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berusaha bersungguh-sungguh untuk memajukan rakyat dan bukannya seperti tuduhan pembangkang yang sentiasa memburuk-burukkan pemimpin Umno," katanya di pelancaran dan taklimat jentera pilihanraya Parlimen Sabak Bernam, di sini, hari ini.

Menurut beliau, ahli Umno harus berpandangan jauh merenung sejarah lampau perjuangan nenek moyang yang sanggup berkorban demi mendapatkan kemerdekaan untuk kesenangan generasi hari ini.

Beliau berkata, ahli Umno harus yakin kepada diri sendiri dan tidak mudah mendengar tohmahan parti pembangkang yang ingin mencari pengaruh untuk kempen mereka.

Sebagai contoh katanya, isu rumah Perdana Menteri yang dipolitikkan oleh parti pembangkang walhal rumahnya kecil sahaja cuma yang nampak besar kawasan yang disediakan untuk tempat perjumpaan dengan duta asing, tetamu luar negara serta mengadakan mesyuarat Kabinet.

"Tetapi isu itu dipesongkan oleh pihak lain termasuk parti pembangkang untuk kempen mereka tanpa mengambil kira kebaikannya serta jangka panjang," katanya.

Sementara itu, Ketua Umno Bahagian Sabak Bernam, Datuk Mahbud Hashim, mengingatkan ahli Umno supaya mengikis segala salah faham sebelum ini dan bersatu semula demi perpaduan parti.

Beliau berkata, parti pembangkang sentiasa mengintai kelemahan Umno dan jika ahlinya tidak bersatu hati, bukan sahaja mereka berpeluang tetapi juga melenyapkan sejarah keutuhan Umno yang selama ini bersatu padu.

"Kita tidak perlu risau siapa yang menjadi calon, yang penting kita memberikan sokongan sepenuhnya dan memenangkan calon Barisan Nasional dalam pilihan raya akan datang," katanya.

(END)